

# Berita @ UTeM

www.utem.edu.my | edisi Ogos-Minggu Haluan Siswa 2014



MALAYSIA...  
Di Sini Lahirnya Sebuah Cinta



## Narib Canselor

### LANCAR KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG



977  
LG  
173  
.M44  
.B47  
2014  
a  
Aug



MS 11

APLIKASI



TARIK PERHATIAN  
SYARIKAT ARUS RENTAS



MS 14

UTeM TEKAD BERI  
PERSEMBAHAN TERBAIK  
di pentas SUKUM 2014



# Selamat Datang Pelajar Baru 2014/2015



LG173.M44 .B47 2014 Aug



87516219

*Bismillahirrahmanirrahim*

Assalamualaikum Wrt Wbr, Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia.

Di kesempatan ini, saya mewakili pihak Pengurusan Tertinggi dan seluruh warga UTeM mengalu-alukan kedatangan pelajar baru Ijazah Sarjana Muda Semester 1, Sesi 2014/2015 yang berjaya terpilih untuk melanjutkan pengajian di IPTA Teknikal Pertama di Malaysia. Terima kasih kerana menjadikan UTeM sebagai institusi pilihan untuk meneruskan pengajian di peringkat tinggi dalam mengejar impian dan cita-cita di masa hadapan. Tidak dilupakan, terima kasih kepada ibu bapa yang terus menyokong dan meletakkan kepercayaan kepada UTeM untuk mendidik mahasiswa / mahasiswi sehingga menghasilkan graduan yang berketerampilan dan berkemahiran tinggi.

Seperti kebiasaannya, Mahasiswa & Mahasiswi baru yang mendaftar akan mengikuti Program Minggu Haluan Siswa (MHS) selama seminggu yang bertindak sebagai platform untuk perkongsian maklumat secara menyeluruh berkaitan Universiti dan bidang pengajian di samping membantu menyesuaikan diri dengan suasana kehidupan baru di Universiti. Pengisian Program MHS turut dipenuhi dengan elemen kemesraan dan saling menghormati agar dapat mencetuskan motivasi, semangat dan daya saing positif dikalangan mahasiswa/i khususnya berkaitan kecemerlangan akademik.

Semoga langkah ke UTeM akan membuka lembaran baru dalam memimba pelbagai pengalaman dan kenangan yang paling bermakna. Sebagai permata kepada Universiti dan bakal pewaris Negara di masa hadapan, ambillah peluang dan kesempatan yang ada untuk memimba serta memanfaatkan segala ilmu dan kemahiran agar menjadi insan yang cemerlang selaras dengan jalan yang direzki Allah.

Tanam gaharu berpucuk muda,  
Terbit bunga pucuknya mati,  
Pengajian baharu akan bermula,  
Semoga budi ilmu terpaku di dalam hati.

**"Sentiasa Merintis, Sentiasa Menerajui"**

**Prof. Dr. Shahrin bin Sahib**  
Naib Canselor  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka



## CANSELOR

TUAN YANG TERUTAMA  
YANG DI PERTUA NEGERI MELAKA  
TUN DATUK SERI UTAMA MOHD KHALIL BIN YAAKOB



## PRO-CANSELOR

YANG BERBAHAGIA  
TAN SRI DATUK DR. JOHARI BIN MAT



## PRO-CANSELOR

YANG BERBAHAGIA  
DATUK WIRA ISMAIL BIN SALEH



## PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

ACADEMICIAN TAN SRI DATO' IR. DR. HJ.  
AHMAD ZAIDEE BIN LAIDIN





# UTeM

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## PENGURUSAN TERTINGGI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



YBHG. PROFESOR DR. MUHAMMAD GHAZIE BIN ISMAIL

PENOLONG NAIB CANSOLOR (JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT)

YBHG. PROFESOR IR. DR. MOHD JAILANI BIN MOHD NOR

TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)

YBHG. PROFESOR DR. SHAHRIN BIN SAHIB  
NAIB CANSOLOR

YBHG. DATO' PROFESOR DR. MOHD NOR BIN HUSAIN

TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)

YBHG. PROFESOR MADYA DR. IZADIN BIN ABDUL MAJID

TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL-EMWAL PELAJAR DAN ALUMINI)

YBHG. DATUK HASAN BIN SIRUN

PENDAFTAR



PUAN HAJAH FARIDAH BINTI HJ. MID AMIN

KETUA PUSTAKAWAN

Menjadi Universiti Teknikal  
yang Kreatif dan Inovatif Terkemuka di Dunia

‘ Menjana Kerjaya Teknikal Gemilang ’

[www.utem.edu.my](http://www.utem.edu.my)





**ENGR. DR. NOREFFENDY  
BIN TAMALDIN**  
Dekan  
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal



**PROF. MADYA DR.  
ABDUL RANI BIN OTHMAN**  
Dekan  
Fakulti Kejuruteraan Elektronik &  
Kejuruteraan Komputer



**PROF. DR. MOHD RAZALI  
BIN MUHAMAD**  
Dekan  
Pusat Pengajian Siswazah



**ENGR. PROF. DR.  
MARIZAN BIN SULAIMAN**  
Dekan  
Fakulti Kejuruteraan Elektrik



**PROF. MADYA DR.  
MOHD RIZAL BIN SALLEH**  
Dekan  
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan



**PROF. MADYA DR. MOHD KHANAPI  
BIN ABD GHANI**  
Dekan  
Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi



**DR. MOHD SYAIFUL RIZAL  
BIN ABDUL HAMID**  
Dekan  
Fakulti Pengurusan Teknologi & Teknousahawanan



**PROF. MADYA MOHD RAHIMI  
BIN YUSOFF**  
Dekan  
Fakulti Teknologi Kejuruteraan



**DR. MARIANA BINTI YUSOFF**  
Dekan  
Pusat Bahasa & Pembangunan Insan



**Lar. ABDUL WAHAB  
BIN HARUN**  
Pengarah  
Pejabat Pembangunan



**MOHD ISA  
BIN MOHD DOM**  
Pengarah  
Pusat Komputer



**PROF. MADYA  
SHAHDAN  
BIN MD. LANI**  
Pengarah  
Pusat Jaminan Kualiti &  
Akreditasi



**PROF. MADYA DR.  
SYED NAJMUDDIN  
BIN SYED HASSAN**  
Pengarah  
Pusat Pembelajaran Berterusan



**RUZIAH BINTI ALI**  
Pengarah  
Penerbit Universiti



**DR. RADZUAN BIN NORDIN**  
Pengarah  
Pusat Islam



**PROF. MADYA DR. SAZILAH  
BINTI SALAM**  
Pengarah  
Pusat Sumber & Teknologi Pengajaran



**PROF. MADYA ENGR.  
JUHARI BIN AB RAZAK**  
Pengarah  
Pusat Kelestarian & Alam Sekitar

**DEKAN-DEKAN**

**KETUA JABATAN**



## Kampus Induk



**FKEKK**

Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer

**FKP**

Fakulti Kejuruteraan Pembuatan



**FTMK**

Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi

**FKE**

Fakulti Kejuruteraan Elektrik



## Kampus Bandar



**FPTT**

Fakulti Pengurusan Teknologi & Teknousahawanan



## Kampus Teknologi



**FKM**

Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

**FTK**

Fakulti Teknologi Kejuruteraan

# Kemudahan Sukan & Rekreasi



## Pengiktirafan Antarabangsa

UTeM mengharumkan nama negara apabila menerima pengiktirafan antarabangsa setelah dinobatkan sebagai "Best Regional University" manakala Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan dianugerahkan sebagai "Manager of The Year" oleh Europe Business Assembly (EBA) membuktikan usaha dan komitmen UTeM untuk menjadi universiti teknikal terkemuka dunia sekaligus memartabatkan bidang pengajian tinggi teknikal negara.



UTeM mendapat perhatian pelbagai pihak dalam menjalinkan kerjasama strategik di peringkat antarabangsa antaranya King Khalid University, Arab Saudi, Rosenheim University of Applied Sciences, Jerman, Tokushima University, Jepun, University of Versailles Saint- Quentin-en Yvelines serta Dassault Systemes dari Perancis.

Turut dilaksanakan program pengantarabangsa melibatkan universiti-universiti ternama di Turki iaitu Yildiz Technical University, Marmara University, Fatih University dan Istanbul Aydin University.



### UTeM, Universiti Fatih jalin kolaborasi

DURIAN TUNGGAL 18 Ogos - Kecemerlangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) di peringkat antarabangsa terus menaiki daya tarikan jalinan hubungan dengan pelbagai institusi pengajian tinggi (IPT) luar negara.

Naib Canselor UTeM, Prof. Dr. Shahrin Saib telah memertika kunjungan pengurusan kanan Universiti Fatih dari negara Turki diketuai Presidennya, Prof. Serif Ali Tekelan untuk meninjau dengan lebih dekat perkembangan terkini bagi menjalin kolaborasi penyelidikan dan menajalin kedua-dua universiti.

Pengarah Pejabat Antarabangsa UTeM, Prof. Nanna Suryana Herman berkata, kunjungan berkenaan bagi bertukar, kunjungan berkenaan dan membincangkan dengan lebih mendalam dalam rangka kerjasama dua hala dalam bidang-bidang kejuruteraan merangkumi beberapa fokus utama antaranya kejuruteraan elektrik, elektronik serta pembuatan.

"Delegasi Universiti Fatih melahirkan rasa kagum terhadap kemajuan dan lompatan UTeM terutama dalam bidang pencapaian UTeM dalam inisiatif penyelidikan dan inovasi serta inisiatif pihak universiti dalam menyelesaikan kemalangan untuk pelajar-pelajar antarabangsa," katanya.

Delegasi turut dibawa meninjau kemudahan makmal dan bengkel kejuruteraan serta peralatan berteknologi tinggi terdapat di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik di UTeM.

Sementara itu, Shahrin ketika ditemu bera berkata, satu rangka perjanjian kerjasama sedang dirancang untuk memertika insisian harapan kedua-dua universiti. Menurutnya, satu dokumen perjanjian akan diandatangani oleh kedua belah pihak bagi memertika kerjasama strategik dalam beberapa bidang lompatan.

## Kecemerlangan Penyelidikan dan Inovasi

Tahun 2013 menyaksikan kejayaan UTeM memperoleh sejumlah 60 pingat dalam pertandingan Malaysian Technology Expo 2013 (MTE 2013), International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX), Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA), BioMalaysia & Bioeconomy Asia Pacific 2013 Conference and Exhibition (BIOMALAYSIA) dan Seoul International Invention Fair (SIIF).

Kecemerlangan pada tahun ini diteruskan dengan jumlah kutipan 26 pingat pada Malaysian Technology Expo 2014 (MTE 2014) Februari lalu serta empat pingat emas dan satu gangsa di ITEX 2014.



### VeSS bantu kurangkan kehilangan kenderaan

TUNGGAL 5 Mei - Kes kehilangan kereta semakin meningkat penyedia Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) di sini, Sabtu lalu.

Meskipun, dengan adanya sistem ini, kes kehilangan kenderaan dapat dikurangkan.

Katanya, selain itu, satu pasukan anaman melalui SMS akan dihantar kepada pemilik kenderaan mereka dengan membolehkan lokasi kenderaan itu yang boleh didapati secara terus melalui Google Map bagi pengguna telefon pintar dan juga melalui komputer.

Ujarnya, melalui sistem ini, pemilik dapat mengesan kedudukan kenderaan mereka dengan segera dan secara langsung membolehkan kenderaan mereka dalam keadaan selamat.

Anuar berkata, VESS telah dilancarkan berka inspek dan telah menerima pelbagai anugerah di pameran inovasi peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

"Vess punyai pelbagai ciri keselamatan yang dipaparkan kepada pengguna kenderaan dengan produk sedia ada di pasaran agak mahal dan punyai pemantauan melalui dashboard banyak sensor perlu dipasang di seluruh kenderaan," katanya.

Berikut turut membolehkan mana-mana pihak yang berminat boleh menghubungi melalui email: anuar@uta.com.my.

rangkai seterusnya dapat meningkatkan keselamatan kenderaan pengguna.

MESI/ pengantarabangsa



MUHYIDDIN Yassin membentangkan Program Inovasi Melaka (UTeM) di Kuala Lumpur.

### Hasil ciptaan

KUALA LUMPUR 12 Ogos - Muda disuruh mencari idea inovatif dan cipta alat yang memberi manfaat kepada masyarakat negara ini.

Yassin berkata, ia adalah tugas dan tanggungjawab setiap orang di negara ini.



### VeSS bantu kurangkan kehilangan kenderaan

ANUAR (kiri) mengadakan demonstrasi alat VESS di kampus UTeM, Sabtu lalu.

MESI/ pengantarabangsa



# Pembinaan Jatidiri Mahasiswa

UTeM melaksanakan pelbagai aktiviti di luar waktu kuliah bagi melahirkan generasi profesional berdaya saing, cergas serta memiliki tahap pemikiran yang kreatif. Penganjuran serta penyertaan mahasiswa dalam pelbagai aktiviti bercorak kebudayaan, rekreasi, kebajikan serta keusahawanan memberi nilai tambah kepada kualiti graduan yang bakal dihasilkan.

## UTeM simpati derita Palestin

DURIAN TUNGGAL 17 Ogos - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) tampil membela nasib rakyat Palestin dengan menyahurkan sumbangan kepada Pertubuhan Himpunan Lepasan Institut Pendidikan Malaysia (Halaan) dalam satu majlis ringkas, baru-baru ini.

Nah Canselor UTeM, Prof. Dr. Shahrin Sahli berkata, pihaknya telah menyerahkan bantuan kepada...

sebarang marupu meringankan kesepasaran mereka," kata Shahrin. Dalam satu majlis ringkas di Masjid Syyidina Abu Bakar Kampus Induk Durian Tunggol, Shahrin menyerahkan kutipan berjumlah RM7,745 kepada wakil Halaan, Syahkirin Mohd. Shah untuk disalurkan bagi membiayai keperluan asas dan pemuliharaan penduduk Gaza yang terjerat akibat keserasuan...



## Pencapaian Gemilang Dalam Arena Sukan

Mahasiswa UTeM mempamerkan kecemerlangan dalam pertandingan sukan yang disertai sama ada di peringkat kebangsaan, negeri ataupun IPT. Antara pencapaian yang berjaya diraih adalah seperti berikut:

1. Dinobatkan Johan Keseluruhan dalam Sukan Institusi Pengajian Tinggi Melaka bilamana berjaya memperoleh 27 pingat (13 emas, 10 perak dan 4 gangsa)
2. Memenangkan 1 Emas dan 1 Perak dalam acara Taekwondo semasa Karnival Sukan Majlis Sukan Universiti-Universiti Malaysia 2013 (MASUM).
3. Memperoleh 1 Perak dalam acara Tenpin Bowling dalam Kejohanan Tenpin Bowling KPM 2013
4. Seorang mahasiswa UTeM mewakili Malaysia dalam Sukan SEA di Myanmar bagi acara rowing.
5. Pasukan lelaki UTeM Johan dalam Kejohanan Futsal IPT 2013 Sirkuit 4 (Zon Timur) dan salah seorang pemain (lelaki) dinobatkan sebagai Pemain Terbaik Kejohanan.
6. Skuad Ragbi UTeM mempamerkan prestasi unggul atas kejayaan meraih Juara dalam kategori Bowl di Kejohanan Ragbi 7's MASUM.



## Idea inovatif, baharu - TPM



UTeM  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



**UTeM**

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



# G-Coupon™

## SMART GREEN PARKING COUPON SYSTEM

### Researchers:

Sazilah Salam, Nuzulha Khilwani Ibrahim, Mohd Adili Norasikin, Mohamad Riduwan Nawawi, Aminurrashid Noordin, Emaliana Kasmuri, Aziman Abdullah, Abd Samad Hasan Basari, Aniza Othman, Rabiah Ahmad, Syed Nasharudin Syed Othman, Muhammad Azuan Zira Zairein, Norazira Abdul Jalil

### Abstract

The implementation of parking tickets and parking fine are to solve some of the parking problems and traffic congestion. Parking is supposed to be a facility to the commuters for ease of movement rather than overly consumed public goods and lucrative income for parking operators. Most of the City Councils are using parking coupons – a paper based parking ticket which can be bought from appointed parking coupon vendors. The coupons are available in pieces or booklet. The coupons come in range of half an hour rate, hourly rate and daily rate. The driver has to scratch the coupon and place it on vehicle dashboard viewable to the parking inspector.

In unofficial survey, the parking coupon is difficult to obtain due to the information unavailability of appointed parking coupon vendors, limited time span of parking coupon which are not appealing to the local tourists, unavailability of parking coupon expire notification and accidentally scratch the unintended date and time.

Information of authorized parking spaces is not available to the driver either in form of electronic or non-electronic information. Drivers who are familiar with the city have advantage knowing that the allotted parking space that requires them to provide parking coupon. Thus, this will save them from being fine by the parking officers. However, the disadvantage is to the infrequent local tourists that assume the parking spaces are free.


G-Coupon provides a mobile solution using smart phone to solve the above mentioned problems. The G-Coupon (Smart Green Parking Coupon System), is one of the initiatives that will complement the campaign for a greener city. This is an alternative solution to the potential parking occupant whom uses smart phone. The solution consists of 5 main modules: Parking Ticket Module, Payment Module, Summon Module, Monitoring Module, and Enforcement Module, to address the needs for the parking users and stakeholders such as the parking owner, parking enforcer, and credit reload agent. The solution also is not only applicable for coupon-based parking system but can be applicable for any parking system.

### Inventiveness

- G- Coupon transforms typical scratch coupon into a digital mobile application.
- User can settle their parking charge using smartphones.
- Non smartphone users may pay through parking agents
- Provides alert notification of parking duration.
- User can extend their parking period at anytime anywhere without having a risk for overstay.
- User can find for any available parking from the application.
- Reduce paper usage.
- Parking enforcers can check the status of a parking lot before issuing summons.

### Advantages

- Economical
- User friendly
- Easy to install
- Save time & fuel in finding available parking location.
- Save coupon from printing cost
- Save paper usage





**6 Ogos :** UTeM hari ini memeterai perjanjian dengan syarikat Arus Rentas Sdn Bhd untuk mengkomersialkan aplikasi inovatif yang dikenali dengan nama G-Coupon.

Hasil inovasi itu merupakan sebuah aplikasi pintar yang bakal menggantikan sistem bayaran letak kereta berasaskan kupon atau tiket kepada satu penyelesaian menggunakan telefon pintar.

Satu majlis menandatangani perjanjian (MoA) di antara kedua-dua belah pihak telah berlangsung di Kampus Teknologi menyaksikan Naib Canselor, Prof. Dr. Shahrin Sahib dan Pengarah Urusan Arus Rentas, Nizran Nordin memeterai perjanjian itu disaksikan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Tan Sri Datuk Ir. Dr. Ahmad Zaidee Laidin.

Menurut Dr. Shahrin, aplikasi G-Coupon dibangunkan oleh sepasukan penyelidik dari Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) mengambil masa selama dua tahun bagi mengkaji dan menghasilkan penyelesaian terbaik masalah sistem letak kereta pada ketika ini.

## APLIKASI



## TARIK PERHATIAN SYARIKAT ARUS RENTAS



Aplikasi yang dihasilkan berupaya menggantikan sistem konvensional yang masih menggunakan kertas, memberi kesukaran kepada pengguna untuk menambah nilai bayaran letak kereta serta tidak mesra alam.



**4 Ogos :** Satu lagi kejayaan membanggakan telah dicatat oleh UTeM apabila dua pasukannya dinobatkan sebagai naib johan dalam kategori idea perniagaan dan rancangan perniagaan pada pertandingan MALAYSIA-IHL START UP CHALLENGE (i-MSC) yang berlangsung baru-baru ini.

i-MSC dianjurkan oleh Multimedia Development Corporation (MDeC) merupakan salah satu usaha bagi mencungkil bakat dari Institusi-institusi Pengajian Tinggi (IPT) awam dan swasta dalam melahirkan generasi berminda usahawan dan kemahiran untuk mencipta, berinovasi, merekabentuk dan membangunkan perniagaan berdaya maju.

Menurut Dekan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT) Dr. Mohd Syaiful Rizal Abdul Hamid selaku koordinator pasukan UTeM berkata, pihaknya telah melakukan saringan awal peringkat universiti bagi memilih projek terbaik untuk dimajukan ke peringkat seterusnya.

Pada peringkat akhir, kumpulan The Huskey dengan projek keselamatan kebakaran menggunakan aplikasi pintar berjaya meraih naib johan kategori Idea Perniagaan sekaligus membawa pulang hadiah wang tunai bernilai RM 4,000 dan sebuah trofi. Manakala projek My 2nd Eye yang diketuai oleh Engr. Anuar Mohd Kassim turut diumumkan sebagai pemenang tempat kedua bagi kategori Rancangan Perniagaan.

Produk tersebut berupaya mengesan halangan yang terdapat dalam laluan orang cacat penglihatan seterusnya mengelakkan daripada berlaku sebarang kemalangan melibatkan golongan tersebut. Selaku naib johan, Anuar dan pasukannya membawa pulang RM 8,000 beserta trofi.

**UTeM**  
*Lakar Kejayaan*  
**Di i-MSC 2014**



# Naib Canselor LANCAR KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG

13 Ogos : UTeM menyahut seruan kerajaan dalam memeriahkan sambutan kemerdekaan ke-57 pada tahun ini dengan mengibarkan Jalur Gemilang di seluruh premisnya.

Lantaran itu, Kempen Kibarkan Jalur Gemilang peringkat universiti telah dilancarkan oleh Naib Canselor, Prof. Dr. Shahrin Sahib di Dataran Canselor Kampus Induk Durian hari ini.

Pada majlis tersebut Dr. Shahrin diiringi pegawai kanan telah melekatkan Jalur Gemilang di kenderaan rasmi universiti sebagai simbolik kepada pelancaran kempen.

Ketika ditemui beliau menjelaskan, hari kemerdekaan negara wajar diraikan dengan penuh semangat patriotisme dan semua pihak memainkan peranan yang penting ke arah matlamat itu.

“Sebagai rakyat Malaysia kita seharusnya berbangga serta bersyukur terhadap keharmonian negara dan mengibarkan Jalur Gemilang adalah salah satu cara menunjukkan rasa cinta kepada tanahair,” kata beliau.

Dr. Shahrin juga menyeru warga UTeM supaya menghayati pengorbanan pejuang terdahulu yang telah berkorban demi kesenangan generasi hari ini. Beliau kemudiannya mengedarkan Jalur Gemilang kepada warga universiti yang hadir menjayakan majlis tersebut.

Dalam pada itu, UTeM telah pun menghiasi jalan-jalan utama dan bangunan di ketiga-tiga kampusnya dengan Jalur Gemilang serta mengagih-agihkan lebih 2,000 bendera kepada staf bagi menjayakan kempen tersebut.





## PEMANDU HADIRI KURSUS KOMUNIKASI BAHASA INGGERIS TAHAP 2



21 Julai : Bahagian Pembangunan Sumber Manusia UTeM telah menganjurkan Kursus "Oh My English Level 2" khusus untuk pemandu kenderaan universiti baru-baru ini.

Seramai 50 orang pemandu dan staf Bahagian Pengurusan Kenderaan Universiti (BPKU) terlibat dalam kursus tersebut yang dikendalikan oleh pensyarah Jabatan Bahasa, Pusat Bahasa Dan Pembangunan Insan (PBPI).

Menurut Timbalan Pendaftar Kanan UTeM, Wahi Nordin berkata, penganjuran program berkenaan adalah kesinambungan daripada kursus sebelumnya yang diadakan pada tahun lepas dan memberi pendedahan berkenaan penggunaan bahasa Inggeris dalam kaedah perbualan seharian.

"Selain itu, ianya dapat meningkatkan kemahiran pemandu dalam penggunaan bahasa Inggeris agar dapat memberikan perkhidmatan terbaik terutamanya kepada pelajar dan tetamu universiti dari luar negara," jelas Wahi.

"Meskipun purata umur pemandu yang menghadiri kursus tersebut di antara 30-an hingga 40-an, tetapi dengan semangat dan usaha yang ditonjolkan oleh peserta tidak mustahil mereka boleh bertutur dalam bahasa Inggeris dengan baik," tambahnya lagi.

Kata Wahi lagi, menjadi harapan penganjur agar kursus itu memberi impak kepada pemandu khususnya dan Universiti amnya kerana dapat meningkatkan mutu perkhidmatan kepada pelajar dan pelawat antarabangsa seiring dengan misi UTeM untuk menjadi sebuah universiti teknikal terkemuka di dunia.



## PUSAT PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN ANJUR PROGRAM DAKWAH DAN KEBAJIKAN

Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (PPP) baru-baru ini telah melaksanakan Program Dakwah dan Kebajikan yang dijayakan oleh warga kerja pusat itu.

Program tersebut adalah penyampaian sumbangan makanan kepada mahasiswa yang sedang menduduki peperiksaan akhir semester melibatkan seramai lebih 300 orang pelajar.

Menurut Pengarah PPP, Prof. Madya Dr. Syed Najmuddin Syed Hassan ketika ditemui berkata, tujuan program itu diadakan adalah sebagai tanda sokongan moral kepada pelajar-pelajar yang sedang berhempas pulas memastikan pencapaian terbaik dalam peperiksaan.



Jelasnya, warga kerja PPP memulakan program dengan bergotong royong di Masjid Sayyidina Abu Bakar menyediakan hidangan untuk diedarkan kepada pelajar.

Melalui edaran makanan itu, pihaknya sempat beramah mesra dan memberikan kata-kata perangsang kepada pelajar agar menduduki peperiksaan dengan tenang serta mendoakan segala persiapan berjalan lancar.



# UTeM TEKAD BERI PERSEMBAHAN TERBAIK di pentas SUKUM 2014



12 Ogos: Kontinjen UTeM bertekad menunjukkan prestasi terbaik di Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia 2014 (SUKUM 2014) yang akan berlangsung di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai mulai 13 hingga 23 Ogos ini.

Menurut Ketua Pusat Sukan UTeM, Dr. Asiah Hj. Mohd. Pilus berkata, kontinjen UTeM telah pun melakukan persediaan awal antaranya latihan pusat melibatkan atlet-atlet yang mengambil bahagian. Menurutnya lagi, pada edisi kali ini, UTeM menghantar seramai 144 orang atlet dengan penyertaan dalam 12 daripada 24 acara yang dipertandingkan.

Antara acara yang disertai oleh kontinjen UTeM ialah bolasepak, bola jaring, karam, dart, olahraga, tempin bowling, sepaktakraw serta bola tampar lelaki dan wanita.

Dr. Asiah ditemui dalam satu majlis penyerahan bendera kepada kontinjen UTeM serta bacaan ikrar atlet di Kampus Induk Durian Tunggal. Majlis disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof. Madya Dr. Izaidin Abdul Majid.

Dr. Izaidin dalam ucapannya melahirkan sokongan padu dan mengharapkan kontinjen UTeM akan membawa lebih banyak kejayaan serta bertanding dengan penuh semangat kesukanan.



### KETUA EDITOR :



Fazidah Ithnin

### WARTAWAN :



Zulfatria Abdullah



Bob Faizeli Mohamed Din

### REKA BENTUK GRAFIK :



Aziza Md Buang



Khairul Fakhru Radhi Borhan



Ahmad Saufie Jaffar

### JURUFOTO :



Md. Nor Mohamad Saleh



Asri Abu



Nurulidayu Talib



Mohd Farid Supangi

### PENGEDARAN :



Mohamad Haffize Ramli



Mohammad Taufik Osman

## Aktiviti @ UTeM

**3rd International Conference on Design and Concurrent Engineering**  
**IDECON 2014**  
 Organised by: Faculty of Manufacturing Engineering, Universiti Teknikal Malaysia Melaka  
 Supported by: Ministry of Education Malaysia, MRM, VITE, and others.  
 Theme: Emerging Technologies Towards Sustainable Manufacturing  
 22-23 September 2014 | Avillion Legacy Hotel Melaka, Malaysia

**ISORIS'14**  
 International Symposium on Research in Innovation and Sustainability 2014  
 "Innovative Solutions Towards Sustainability"  
 October, 15-16, 2014, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Malaysia.

**4th World Congress on Information and Communication Technologies**  
 MIR Labs Innovation First  
 UTeM UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**Iucet2014**  
 EMPOWERING INNOVATION CULTURE IN PIONEERING FUTURE TECHNOLOGY  
 10 - 11 November 2014 | UTeM  
 Call for Paper Submission 11 May 2014

**KEJOHANAN PING PONG IPT 2014**  
 24 - 29 September 2014 | Dewan Sukan UTeM  
 pingpongippt.utem.edu.my  
 Urusetia: Pusat Sukan, HEPA UTeM | 06 555 2388 (Hotline 1) | 06 555 2193 (Hotline 2) | 06 555 2189 (Fax)


**THE 5th INTERNATIONAL CONFERENCE ON UNDERWATER SYSTEM TECHNOLOGY : THEORY AND APPLICATIONS (USYS'14)**  
 DECEMBER 3-4 2014 @AVILLION LEGACY MELAKA HOTEL  
 USYS'14 "Underwater Technologies: Bringing the past to the surface"



**UTeM**

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

media sosial @ UTeM



utem.edu.my



MyUTeM



UTeM\_my

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



utem\_moments



Videoutem

